

Pamer rasa kesetiaan, kecintaan dengan kibar Jalur Gemilang - PM

DARI MUKA HADAPAN

HAZIRAH HALIM

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyeru seluruh rakyat Malaysia bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang sebagai bukti kesetiaan dan kecintaan terhadap negara sempena Sambutan Bulan Kebangsaan ke-66 yang disambut pada 31 Ogos dan Hari Malaysia pada 16 September.

Beliau turut mengajak rakyat meraikan bulan berkenaan di samping menunjukkan bahawa mereka adalah satu generasi rakyat yang memahami perjuangan generasi terdahulu dalam mencapai kemerdekaan untuk negara.

“31 Ogos 1957 (Hari Kemerdekaan) dan 16 September 1963 (Hari Malaysia) itu dua hari keramat bagi negara kita.

“Saya syorkan mulai sekarang sehingga 31 Ogos, Hari Kemerdekaan negara dan Hari Malaysia, 16 September, kita kibarkan Jalur Gemilang dengan megah.

“Di setiap kenderaan, di setiap jabatan, di rumah, di mana sahaja



ZAHIR rasa cinta kepada negara sempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

untuk menunjukkan bahawa Malaysia sekarang bangkit sebagai negara yang bersatu padu, punyai cita-cita, idealisme untuk menghayati semangat kemerdekaan itu.

“Kibarkan bendera Malaysia, Jalur Gemilang, *Insya-Allah* ia merupakan satu cetusan semangat baharu dan petanda perubahan dalam negara,” ujar beliau dalam video Ucapan

Khas Perdana Menteri sempena Hari Kebangsaan 2023 terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Sebelum ini, pada Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan

Kibar Jalur Gemilang 2023 di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya pada 16 Julai lalu, Anwar menyeru rakyat menzahirkan kebanggaan kepada negara dengan mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang bulan berkenaan bagi menyemarakkan lagi rasa kasih dan cinta kepada negara.

Beliau juga menyatakan hasrat semangat patriotik dalam kalangan rakyat perlu sentiasa disuburkan dan digelorakan bagi melahirkan masyarakat bersatu padu agar perpaduan dalam kepelbagaian bangsa, agama dan latar belakang diperkukuhkan.

Selaras tema Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) tahun ini Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan, Anwar menyifatkan perpaduan adalah suatu nikmat berharga dan merupakan aset penting kepada negara yang perlu dipelihara agar kemerdekaan Malaysia terus dipertahankan.

Untuk rekod, Sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos akan diadakan di Dataran Putrajaya manakala Sambutan Hari Malaysia pada 16 September berlangsung di Kuching, Sarawak.